



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
JOHOR,  
(CAWANGAN PENTADBIRAN)  
BANGUNAN SULTAN IBRAHIM,  
80503 JOHOR BAHRU.

Setiausaha Kerajaan  
Timb. Setiausaha Kerajaan  
Pejabat Am  
Tel : 07-223 9000  
Tel : 07-223 9230  
Tel : 07-224 1957/1132/1133/  
1134/1135  
: 07-276 1101/1103/1104/  
1105/1108/1111  
Faks: 07-223 4416

*Sila nyatakan rujukan bilangan kami  
apabila menjawab.*

SUKJ. 617 / 2 - 7 (12)  
5 Julai 2006.

Semua Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,  
Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Badan-Badan Berkanon  
dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor.

YB Dato'/YB Datin Paduka/Tuan/Puan,

**PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR BILANGAN 1 TAHUN 2006**  
***Arahan Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Infaq (Potongan Gaji***  
***Bulanan)***

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan bersama-sama ini disertakan **Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil. 1 Tahun 2006** mengenai **Arahan Pembayaran Zakat Pendapatan Melalui Skim Infaq (Potongan Gaji Bulanan)** untuk dipanjangkan kepada semua pegawai dan anggota yang beragama **Islam** di jabatan YB Dato'/YB Datin Paduka/Tuan/Puan.

2. Adalah menjadi kewajiban bagi setiap umat Islam yang cukup syarat-syaratnya untuk membayar zakat ke atas pendapatan mereka yang merupakan salah satu sumber utama harta yang mereka miliki.

3. Untuk makluman YB Dato'/YB Datin Paduka/Tuan/Puan, arahan pembayaran zakat pendapatan melalui Skim Infaq ini dikeluarkan lanjutan daripada keputusan **Jawatankuasa Syariah Negeri Johor (Lujnah Fatwa)** pada **Februari 2000** yang telah memutuskan bahawa :

***"Gaji dan pendapatan wajib dikeluarkan zakat bila mana cukup syarat-syaratnya".***

3. Sehubungan dengan itu, YB Dato'/YB Datin Paduka/Tuan/Puan adalah diarah supaya mengambil tindakan sewajarnya dan memastikan supaya **Perkara 5** Pekeliling tersebut dipatuhi dengan mengembalikan **Format A** dan **Format B** yang telah lengkap kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor sebelum atau pada **15 Ogos 2006**.

4. Semoga dengan komitmen dan kesedaran semua anggota perkhidmatan awam dalam menjayakan arahan ini akan memberi manfaat kepada asnaf-asnaf penerima zakat khususnya fakir miskin di Negeri Johor dan semoga harta kita akan terus berkembang dan diberkati Allah.

Sekian terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATO' HAJI MD. ALWEE BIN HAJI A. RASHID)**

Timbalan Setiausaha kerajaan

b.p. Setiausaha Kerajaan

Johor.

s.k: Ketua Penolong Pengarah,  
Bahagian Zakat,  
Majlis Agama Islam Negeri Johor,  
Tingkat 5, Blok B, Kompleks Islam Johor,  
80000, Johor Bahru.

/As.



PEKELILING AM KERAJAAN JOHOR BIL. 1 TAHUN 2006

ARAHAN PEMBAYARAN ZAKAT PENDAPATAN  
MELALUI SKIM INFAQ (POTONGAN GAJI BULANAN)

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan arahan pembayaran Zakat Pendapatan menerusi Skim Infaq (Potongan Gaji Bulanan) bagi semua pegawai dan anggota perkhidmatan yang beragama Islam Kerajaan Negeri / Persekutuan, Badan berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Anak-anak Syarikat Kerajaan Negeri yang berkhidmat di Negeri Johor Darul Ta'zim

2. TANGGUNGJAWAB

- 2.1 Adalah menjadi kewajiban bagi setiap umat Islam yang cukup syarat-syaratnya untuk menunaikan zakat ke atas sumber pendapatan / penggajian yang merupakan salah satu sumber utama harta yang dimiliki.
- 2.2 Seruan kewajiban menunaikan zakat pendapatan yang merupakan cabang daripada harta adalah sepertimana terkandung di dalam firman Allah SWT dalam ayat 267 surah Al Baqarah yang bermaksud :

*" Wahai orang- orang yang beriman! Belanjakanlah sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu..."*

3. **FATWA ZAKAT PENDAPATAN**

- 3.1 Berhubung dengan kewajipan menunaikan Zakat Pendapatan, Jawatankuasa Syariah Negeri Johor ( Lujnah Fatwa ) pada Februari 2000 telah memutuskan bahawa :

**"Gaji dan pendapatan wajib dikeluarkan zakat bila mana cukup syarat- syaratnya".**

4. **HIKMAH MENGELUARKAN ZAKAT**

- 4.1 Zakat Pendapatan yang dikeluarkan tidak akan mengurangkan harta yang dimiliki dan ini bertepatan dengan maksud hadith Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh At Tarmizi :

*" Ada tiga perkara yang saya bersumpah benar-benar terjadi, dan saya akan ceritakan kepadamu maka ingatlah baik-baik iaitu tidaklah akan berkurang harta disebabkan zakat, dan tidak teraniaya seorang hamba yang diterimanya dengan hati sabar kecuali Allah akan menambah kemuliaannya, serta tidak membuka seorang hamba pintu meminta kecuali akan dibukakan Allah baginya pintu kemiskinan."*

- 4.2 Allah pasti akan memberikan ganjaran kepada Zakat Pendapatan yang ditunaikan dengan penuh keikhlasan, maksud firman Allah SWT dalam ayat 261, surah Al-Baqarah yang bermaksud :

*"Bandingan orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah (dengan mengeluarkan zakat) adalah seperti sebiji benih yang tumbuh lalu menerbitkan tujuh tangkai dan pada tiap-tiap tangkai mengandungi seratus biji dan ingatlah Allah melipat gandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Allah Maha luas rahmat kurniaNya bagi meliputi ilmu pengetahuanNya"*



## 5. TATACARA PERLAKSANAAN PUNGUTAN ZAKAT

### 5.1. TATACARA I

- a) Majlis Agama Islam Negeri Johor akan menghantar Borang Maklumat Pegawai dan Anggota Perkhidmatan (Format A) dan Borang Pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji (Format B) kepada Ketua Jabatan. Borang Pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji hendaklah diserahkan oleh majikan kepada pegawai dan anggota perkhidmatan di jabatannya untuk diisi.
- b) Setiap anggota perkhidmatan dikehendaki melengkapkan Borang Pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji (Format B) dan seterusnya membuat taksiran zakatnya sendiri. Pengiraan Taksiran Zakat Pendapatan adalah mengikut Kaedah yang ditetapkan Majlis Agama Islam Negeri Johor, iaitu :
  - i.  $\text{Gaji kasar setahun} \times 2.5\% = \text{Zakat Pendapatan setahun} \div 12$   
 $= \text{Jumlah Zakat Bulanan}$   
  
Atau :
  - ii.  $\text{Gaji kasar setahun} \text{ ditolak perbelanjaan yang dibenarkan iaitu}$ 

Saraan Untuk Diri	: RM 8,000.00
Isteri	: RM 3,000.00
Anak- anak	: RM 1,000.00 / seorang
Sumbangan Ibulbapa	: (berdasarkan sumbangan setahun)
Kos Pendidikan	: (berdasarkan perbelanjaan setahun)
Kos Perubatan	: (berdasarkan kos rawatan setahun)

**Baki Pendapatan  $\times 2.5\%$**   
**= Zakat Pendapatan Setahun  $\div 12$  bulan**  
**= Jumlah Zakat Bulanan**

\* Contoh-contoh pengiraan di Lampiran 'A'.

Setelah Borang Pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji (Format B) dilengkapkan, anggota hendaklah mengembalikan kepada majikan.

- c) Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk memastikan semua anggota perkhidmatannya mengembalikan Borang Pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji (Format B) yang lengkap.

- d) Majikan hendaklah mengembalikan Format A dan Format B yang telah lengkap kepada **Majlis Agama Islam Negeri Johor** selewat-lewatnya 15 Ogos 2006 di alamat :

**Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Zakat  
Majlis Agama Islam Negeri Johor  
Tingkat 5, Blok 'B'  
Kompleks Islam Johor  
Jalan Masjid Abu Bakar  
80000 Johor Bahru**

## 5.2. TATACARA II

- a) Sekiranya dalam tempoh yang telah ditetapkan, anggota perkhidmatan gagal mengembalikan Borang Pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji (Format B) kepada majikan, maka majikan hendaklah mengembalikan Borang Format A yang telah dilengkapkannya kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- b) Majlis Agama Islam Negeri Johor akan membuat taksiran secara berkompuser berdasarkan maklumat gaji anggota perkhidmatan yang dikemukakan oleh majikan dalam Format A. Borang Taksiran Berkompuser Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagaimana Format 'C1 dan C2'
- c) Taksiran Majlis Agama Islam Negeri Johor akan dibuat berdasarkan maklumat paling asas tanpa mengetahui status perkahwinan, kedudukan bilangan anak, sumbangan ibubapa, kos pendidikan dan kos perubatan iaitu :
- *Kakitangan Lelaki : Pelepasan hanya mengambil kira tolakan RM 8,000.00 bagi saraan diri dan RM 3,000.00 bagi Isteri*
  - *Kakitangan Wanita : Pelepasan hanya mengambil kira tolakan saraan diri RM 8,000.00*
- \* Contoh Pengiraan Automatik dari Majlis Agama Islam Negeri Johor di Lampiran 'B'

6. **SETIAP POTONGAN ZAKAT AKAN MENDAPAT REBAT TERUS CUKAI BULANAN**

- 6.1 Bagi kakitangan yang tertakluk kepada potongan cukai bulanan ( PCB ), majikan akan membuat penyelarasan keatas potongan Zakat (Sila rujuk Jadual (kaedah 3) Potongan Cukai Bulanan (LHDN). Setiap nilai zakat yang dibayar akan mendapat pengurangan secara terus dari PCB seperti contoh berikut :

**Contoh 1 :**

**PCB bulan Oktober 2006**

PCB patut dipotong	: RM 100.00
Potongan Zakat	: RM 100.00
PCB perlu dipotong	: Tiada

**Contoh 2 :**

**PCB bulan Oktober 2006**

PCB patut dipotong	: RM 100.00
Potongan Zakat	: RM 50.00
PCB bulan Oktober 2006 (RM 100.00 - RM 50.00 )	: RM 50.00

7. **PINDAAN KADAR BAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI**

Sekiranya terdapat sebarang pindaan kadar bayaran zakat samaada dalam bentuk tambahan atau pengurangan bayaran zakat berdasarkan kiraan pendapatan, maka anggota perkhidmatan boleh membuat perubahan melalui Borang Pembayaran Zakat melalui Potongan Gaji dan menyerahkannya terus kepada majikan untuk pindaan dengan membuat salinan perubahan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor.


8. **RUMUSAN**

Komitmen dan kesedaran tuan/puan dalam menjayakan pelaksanaan ini pastinya akan memberi manfaat kepada asnaf-asnaf penerima zakat khususnya asnaf fakir miskin di Negeri Johor Darul Ta'zim. Semoga harta kita akan terus berkembang, dilindungi dan diberkati Allah.

9. **TARIKH BERKUATKUASA**

9.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

  
(DATIN PADUKA HAJAH NORSIAH BINTI HARON)  
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI JOHOR  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR  
JOHOR BAHRU

27 Jun 2006



**Contoh A :Taksiran Zakat Pendapatan (Wajib zakat)**

Gaji + Elaun	:	RM 3,000.00
RM 3,000.00 x 12 Bulan	:	RM 36,000.00
+ Bonus	:	RM 2,500.00
<b>Jumlah Pendapatan</b>	:	<b>RM 38,500.00</b>

**Tolak**

Diri	:	RM 8,000.00
Isteri	:	RM 3,000.00 ( RM 3,000.00 x jum. isteri)
Anak	:	RM 3,000.00 ( RM 1,000.00 x 3 orang Anak)
Perubatan	:	RM 500.00
Pendidikan	:	RM 2,000.00
Sumbangan kepada Ibumbapa	:	RM 2,400.00
<b>Jumlah</b>	:	<b>RM 18,900.00</b>

Jumlah Pendapatan Kasar - Jumlah Penolakan yang dibenarkan  
 RM 38,500.00 - RM 18,900.00

**Jumlah Bersih** : **RM 19,600.00** (melebihi Nisab) x 2.5 %

**Kadar Zakat** : **RM490.00 setahun ÷ 12**  
**Potongan Gaji Bulanan** : **RM 40.83 sebulan**

**Contoh A : Taksiran Zakat Pendapatan (Bagi lelaki)**

Gaji + Elaun	:	RM 3,000.00
RM 3,000.00 x 12 Bulan / Setahun	:	RM 36,000.00
<b>Jumlah Pendapatan</b>	:	<b>RM 36,000.00</b>

**Tolak**

Diri	:	RM 8,000.00
Isteri	:	RM 3,000.00

<b>Jumlah Tolakan</b>	:	<b>RM11,000.00</b>
<b>Baki</b>	:	<b>RM25,000.00 x 2.5 %</b>

<b>Jumlah zakat Tahunan</b>	:	<b>RM625.00 ÷ 12</b>
<b>Potongan Zakat Bulanan</b>	:	<b>RM 52.08</b>

**Contoh B : Taksiran Zakat Pendapatan (Bagi Wanita)**

Gaji + Elaun	:	RM 3,000.00
Jumlah	:	RM 3,000.00
RM 3,000.00 x 12 Bulan / Setahun	:	RM 36,000.00
<b>Jumlah Pendapatan</b>	:	<b>RM 36,000.00</b>

**Tolak**

Diri	:	RM 8,000.00
<b>Jumlah Tolakan</b>	:	<b>RM 8,000.00</b>
<b>Baki</b>	:	<b>RM28,000.00 x 2.5 %</b>

<b>Jumlah zakat Tahunan</b>	:	<b>RM700.00 ÷ 12</b>
<b>Potongan Zakat Bulanan</b>	:	<b>RM 58.33</b>

**Contoh C : Taksiran Pendapatan yang tidak dikenakan Zakat**

Gaji + Elaun	:	RM 1,000.00
RM 1,000.00 x 12 Bulan / Setahun	:	RM 12,000.00
<b>Jumlah Pendapatan</b>	:	<b>RM 12,000.00</b>

**Tolak**


Diri	:	RM 8,000.00
Isteri	:	RM 3,000.00
<b>Jumlah Tolakan</b>	:	<b>RM 11,000.00</b>
<b>Baki</b>	:	<b>RM1,000.00</b>

(Tidak cukup Nisab Zakat)

<b>Jumlah zakat Tahunan</b>	:	<b>Tiada</b>
<b>Potongan Zakat Bulanan</b>	:	<b>Tiada</b>

---

## CARTA ALIRAN PELAKSANAAN ARAHAN WAJIB PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI



Sambungan.....ke m/s 2

Sambungan .....dari m/s 1

- Akauntan Negara Caw. Johor (AG)/ Bendahari Negeri Johor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Badan Berkanun dan anak-anak Syarikat Kerajaan Johor akan membuat bayaran zakat kepada MAINJ atas nama **Jawatankuasa Zakat & Fitrah Negeri Johor** pada setiap bulan.



- MAINJ akan mengeluarkan resit terimaan kepada majikan berserta laporan perihal pembayar setiap bulan untuk tujuan semakan majikan.



- MAINJ akan menghantar penyata Zakat Tahunan kepada anggota perkhidmatan selewat-lewatnya **15 Februari tahun berikutnya** untuk tujuan rebat cukai pendapatan individu.





MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

**BORANG MAKLUMAT PEGAWAI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN**

NAMA MAJIKAN :  
NO. TELEFON MAJIKAN :

BIL	NAMA PEKERJA & NO. GAJI	NO. K/P BARU	ALAMAT SURAT MENYURAT	STATUS	GAJI BULANAN	JUMLAH PCB	POTONGAN ZAKAT (Jika ada)	POTONGAN ZAKAT BULANAN (Dilisi oleh MAINJ)

\* Gaji bulanan termasuk Gaji Kasar dan Elaun-elaun yang diterima  
\*\* Status adalah Berkahwin atau Bujang





**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**

Tingkat 5, Blok B, Kompleks Islam Johor,  
Jalan Masjid Abu Bakar, 80990 Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim.

www.maij.gov.my Email:zakat@mai.gov.my

Tel : 07-2282935

07-2282937

07-2282999

Fax : 07-2238752/2275173

**BORANG PEMBAYARAN ZAKAT MELALUI POTONGAN GAJI**

**A) MAKLUMAT PEMBAYAR ZAKAT**

NAMA :


NO. KAD PENGENALAN :

(B) 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

(L) 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ALAMAT RUMAH / SURAT MENYURAT :


NO. TELEFON :

(R) 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

(H/P) 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

BAHAGIAN / CAWANGAN BEKERJA :


NO. PEKERJA :


ALAMAT MAJIKAN :


NO. TELEFON :

(P) 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

(P) 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**B) SILA TANDAKAN (✓) PADA PETAK BERKENAAN :**

Potongan PCB Asal : RM 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 Potongan untuk Zakat : RM 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

 Baki PCB : RM 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Potongan Zakat Bulanan sebanyak RM 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Menambah / Mengurangkan potongan Zakat kepada : RM 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

**C) LAFAZ MEMBAYAR ZAKAT**

Saya membenarkan gaji bulanan saya dipotong mulai gaji bulan ..... sebanyak RM ..... bagi menunaikan zakat Harta yang wajib ke atas diri saya untuk tahun ..... dan tahun berikutnya kerana Allah Ta'ala

**D) PENGESAHAN PEMOHON**

Saya akui telah membaca dan memahami tentang peraturan yang tertulis di belakang borang

Tandatangan Pemohon : \_\_\_\_\_ Tarikh Permohonan : \_\_\_\_\_

**E) PENGESAHAN MAJIKAN (BAHAGIAN PEMBAYARAN GAJI)**

Adalah dengan ini disahkan bahawa butiran pemohon adalah benar dan pemohon adalah pegawai / kakitangan jabatan ini.

Tandatangan Pegawai : \_\_\_\_\_ Nama Pegawai : \_\_\_\_\_

Tarikh Diterima : \_\_\_\_\_ Alamat / Cop Majikan : \_\_\_\_\_

Jabatan	Kod Potongan
Persekutuan	5757
Negeri Johor	2509
Badan Berkanun/Swasta	Ditentukan oleh majikan

Kebenaran Jabatan Buruh : Seksyen 24(2)(e) Akta Kerja 1955

**F) UNTUK KEGUNAAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**

Diterima oleh : \_\_\_\_\_ Rujukan : \_\_\_\_\_

Tarikh Diterima : \_\_\_\_\_ Mula Potongan : \_\_\_\_\_



Format C2

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

**BORANG TAKSIRAN BERKOMPUTER**

NAMA : \_\_\_\_\_  
NO. K/P : \_\_\_\_\_  
NO. GAJI : \_\_\_\_\_  
ALAMAT MAJIKAN : \_\_\_\_\_

**Maklumat Pendapatan (Bagi Wanita)**

Gaji + Elaun : RM  
Jumlah Pendapatan : RM  
  
Tolak  
Diri : (RM8,000.00)  
  
Jumlah Tolakan : RM8,000.00  
Baki : RM x 2.5 %  
  
Jumlah zakat pendapatan setahun : RM + 12  
Potongan Zakat Bulanan : RM

**BAHAGIAN ZAKAT  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR**

\* BORANG INI ADALAH CETAKAN BERKOMPUTER TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN





Format C1

MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

BORANG TAKSIRAN BERKOMPUTER

NAMA : \_\_\_\_\_  
NO. K/P : \_\_\_\_\_  
NO. GAJI : \_\_\_\_\_  
ALAMAT MAJIKAN : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Maklumat Pendapatan (Bagi Lelaki)

Gaji + Elaun : RM  
Jumlah Pendapatan : RM

Tolak  
Diri : (RM8,000.00)  
Isteri : (RM3,000.00)

Jumlah Tolakan : RM11,000.00  
Baki : RM x 2.5 %

Jumlah zakat pendapatan setahun : RM ÷ 12  
Potongan Zakat Bulanan : RM

BAHAGIAN ZAKAT  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR

\* BORANG INI ADALAH CETAKAN BERKOMPUTER TANDATANGAN TIDAK  
DIPERLUKAN